

18 AUG 1996
MTUC-dialog
MTUC MAHU BERDIALOG DENGAN PM SEKALI SETAHUN

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu berdialog dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setahun sekali sebagai rakan sosial kepada kerajaan dalam usaha-usaha pembangunan negara, kata presidennya, Zainal Rampak.

Kata beliau melalui dialog seperti itu kedua-dua pihak akan berfikir terbuka dan MTUC akan dapat mengetahui apa yang kerajaan mahu dari kesatuan sekerja dan MTUC pula akan dapat memberi cadangan-cadangan guna untuk pembangunan negara.

"Hubungan rakan sosial perlu bersifat dua hala. Perdana Menteri boleh memberitahu kita mengenai hasrat dan rancangan kerajaan dalam pembangunan negara dan kami berperanan untuk membantu dengan cadangan-cadangan," kata beliau sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri mengenai peranan kesatuan sekerja baru-baru ini.

Beliau gembira kerana Dr Mahathir menyedari pentingnya peranan kesatuan sekerja dalam pembangunan negara.

Kata Zainal MTUC sebenarnya telah membuat sumbangan kepada pembangunan negara dan mahu memainkan peranan yang lebih lagi tetapi tidak mendapat peluang untuk berbuat demikian.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis konvokasi lima institut tempatan yang mempunyai hubungan kerjasama dengan Universiti Nottingham Trent British. Zainal ialah timbalan presiden Institut Teknologi Pekerja, salah satu dari lima institut itu.

Menurut Zainal, MTUC telah meminta dialog (dengan Perdana Menteri) itu diadakan semasa kongres itu mendapat peluang menemui Dr Mahathir pada Julai 1988.

"Semasa pertemuan dengan Perdana Menteri itu, saya telah mencadangkan supaya MTUC mengadakan dialog dengan beliau setiap tahun. Tetapi tidak ada tindak balas dengan idea saya itu. Sekiranya idea itu diterima, kami sudah tentu dapat membuat cadangan mengenai banyak perkara," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata belum terlambat lagi dan kedua-dua pihak masih boleh mengadakan dialog seperti itu.

Zainal berkata MTUC akan sentiasa bersama dengan kerajaan selagi ianya adalah baik untuk rakyat dan pembangunan negara. -- BERNAMA

ARA WAT